

ADUAN / PERTANYAAN / KOMEN

Harian Metro – 30 Januari 2017

MINTA penguat kuasa KPDNKK pantau stesen minyak dekat sempadan Rantau Panjang–Sungai Golok kerana banyak motosikal asing berkuasa tinggi guna nombor palsu di situ. >>**ABDUL75** [IMB94438]

MAKLUMBALAS SURAT KEPADA PENGARANG



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569



MAKLUM BALAS PEMANTAUAN STESEN MINYAK SEMPADAN RANTAU PANJANG-SG.GOLOK

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ingin merujuk kepada aduan yang disiarkan oleh **Harian Metro** bertarikh **30 Januari 2017** dalam ruangan IM Laporan daripada **ABDUL75 [IMB94438]** – mengenai pemantauan di stesen minyak di sempadan Rantau Panjang-Sungai Golok kerana banyak motosikal asing berkuasa tinggi menggunakan nombor plat palsu.

KPDNKK Negeri Kelantan khususnya bagi anggota penguatkuasa sentiasa memantau dan membuat rondaan secara harian ke atas stesen-stesen minyak di kawasan sempadan Rantau Panjang dan Sungai Golok. Di samping itu, KPDNKK Negeri telah melaksanakan penetapan kuota jualan petrol sebanyak 600,000 liter sebulan kepada stesen-stesen minyak yang berada disepanjang kawasan sempadan Rantau Panjang dan Sungai Golok bagi memastikan undang-undang yang dikuatkuasakan dipatuhi pada tahap maksimum.

Berhubung dengan penggunaan nombor pendaftaran palsu pada motosikal asing berkuasa tinggi pula, perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa KPDNKK di mana isu ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat bersama Agensi Penguatkuasa yang diurus setiakan oleh Majlis Keselamatan Negara Negeri Kelantan pada tahun 2016 di mana Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah agensi yang terlibat secara khusus bagi mengambil tindakan terhadap perkara yang dibangkitkan. Pihak JPJ telah dimaklumkan berkenaan perkara ini dan sedang dalam perancangan bagi tindakan melaksanakan penguatkuasaan keatasnya.